



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN
PENDAFTARAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK)

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Jabatan Kerja Raya Malaysia

SOALAN LAZIM PENDAFTARAN ASET TAK ALIH

Kandungan

a) Bahagian A : Isu Pendaftaran Daftar Premis Aset (DPA)

Soalan 1: Punca Kuasa

Soalan 2: Pendaftaran Premis yang terpisah

Soalan 3: Pendaftaran Bangunan Persekutuan di atas tanah bukan hakmilik Persekutuan

Soalan 4: Pendaftaran Premis Sewaan / Tumpang

Soalan 5: Pendaftaran Bangunan Persekutuan bersambung dengan bangunan Negeri

Soalan 6: Keperluan Pendaftaran Premis yang disenggara oleh pihak ketiga

Soalan 7: Pendaftaran Premis yang hanya memiliki binaan luar (tiada blok bangunan)

Soalan 8: Pendaftaran Tanah Kosong

b) Bahagian B : Isu Pendaftaran Daftar Aset Khusus (DAK) Peringkat Ruang

Soalan 9: Penentuan Pendaftaran Blok di dalam Premis

Soalan 10: Penentuan Aras Lantai Pertama

Soalan 11: Penentuan Ruang Tidak Berdinding

Soalan 12: Penentuan Ruang Dinding *collapsible*

Soalan 13: Penentuan Ruang Tangga

Soalan 14: Penentuan Aras *Mezzanine*

Soalan 15: Pendaftaran Ruang di dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA)

Soalan 16: Pendaftaran Dua (2) Ruang Berbeza

Soalan 17: Pendaftaran Ruang *partition*

Soalan 18: Pengubahsuaian (Penambahan atau Pengurangan) Ruang

Soalan 19: Pendaftaran Ruang *service compartment*

Soalan 20: Pendaftaran Blok yang bersambung dengan Binaan Luar

Soalan 21: Pendaftaran Bangunan TNB

c) Bahagian C : Isu Pendaftaran Daftar Aset Khusus (DAK) Peringkat Komponen

Soalan 22: Pengenalpastian Komponen Aset Tak Alih

Soalan 23: Tanggungjawab Mendaftar Komponen Aset Tak Alih

Soalan 24: Pelaksanaan Pendaftaran Komponen Aset Tak Alih

Soalan 25: Ketersediaan Aplikasi mySPATA dalam Pendaftaran Komponen Aset Tak Alih

Soalan 26: Kaedah Pendaftaran Komponen Aset Tak Alih

Soalan 27: Tarikh Berkuat kuasa Pendaftaran Komponen Aset Tak Alih

Soalan 28: Status Pendaftaran Komponen Aset Tak Alih di dalam SPA

Soalan 29: Pelupusan Komponen Aset Tak Alih

Soalan 30: Pendaftaran Perolehan Komponen Aset Tak Alih sebelum tahun 2015

Soalan 31: Pendaftaran Komponen Aset Tak Alih yang diperoleh sebelum 2015

Soalan 32: Penentuan *portable fire extinguisher*

Bahagian A : Isu Pendaftaran Daftar Premis Aset (DPA)

SOALAN 1

S: Apakah Punca Kuasa dalam pelaksanaan Pendaftaran Aset Tak Alih?


J: Punca kuasa pelaksanaan Pendaftaran Aset TAK Alih adalah melalui Pekeliling Am Bil 1/2009 serta Pekeliling Am Bil 2/2012.

SOALAN 2

S: Bagaimana untuk mendaftarkan satu premis yang terpisah dengan satu laluan / tanah yang bukan hakmilik?

J: Premis masih perlu didaftarkan dengan satu nombor DPA. Maklumat (keluasan, hakmilik, status tanah dll) berkaitan hakmilik tanah adalah mengikut apa yang terkandung di dalam geran tanah.

Contoh : Premis yang terpisah dengan satu jalan



SOALAN 3

S: Adakah bangunan hakmilik Persekutuan yang didirikan di atas tanah bukan hakmilik Persekutuan (termasuk bangunan yang dibina atas tanah milik Kerajaan Negeri dan bangunan yang menumpang di atas tanah milik KJP lain) perlu didaftarkan? Dan adakah perlu maklumat tanah tersebut didaftarkan?

J: Ya, bangunan tersebut perlu didaftarkan di dalam aplikasi mySPATA. Secara teknikal, tidak seharusnya berlaku dimana Bangunan Persekutuan didirikan di atas tanah bukan hakmilik Persekutuan. Ini kerana bangunan milik Persekutuan hanya boleh didirikan di atas tanah yang sudah menjadi hakmilik Kerajaan Persekutuan. Jika tanah tersebut merupakan tanah kosong, ia tidak perlu didaftarkan di dalam Aplikasi mySPATA.

Bagi kes wujud bangunan/binaan milik Kerajaan Persekutuan di atas tanah tersebut, pendaftaran premis perlu dilaksanakan dan tanah tersebut perlu didaftarkan sebagai 'TANAH SEMENTARA' didalam mySPATA. Maklumat dalam 'TANAH SEMENTARA' boleh dilengkapkan setakat mana ianya boleh memberi maklumat kepada pemilik aset bahawa tanah ini masih lagi milik negeri atau seumpamanya.

Status tanah ini akan dipaparkan dalam pelaporan kerana ianya memerlukan tindakan susulan iaitu untuk ditukar status menjadi milik persekutuan.

Bagi bangunan yang menumpang di atas tanah Persekutuan milik KJP lain, proses di atas boleh digunakan. Bagaimanapun wujud beberapa alternatif untuk pihak agensi memohon menjadi KJP kepada tanah tersebut. Rujuk JKPTG untuk maklumat lanjut

SOALAN 4

S: Adakah premis atau bangunan yang disewa/ditumpang oleh Jabatan/Agensi perlu didaftarkan di dalam Aplikasi mySPATA? Bagaimana cara untuk mendaftarkan premis tersebut?

J: Ya, bagi premis yang disewa/ditumpang oleh Jabatan/Agensi, premis tersebut perlu didaftarkan sehingga peringkat Ruang. Ini bagi membolehkan nombor ruang yang sama digunakan oleh Aplikasi Sistem Pengurusan Aset (Alih)(SPA). Cara pendaftaran premis tersebut boleh dirujuk di dalam Garis Panduan Pengumpulan Data Aset Tak Alih (PeDATA).

SOALAN 5

S: Adakah Bangunan Persekutuan yang dibina bersambung dengan Bangunan Negeri perlu didaftarkan? Bagaimana pula dari segi kos dan keluasan?

J: Untuk kes bangunan yang berbeza dalam satu premis, pendaftaran perlu dibuat untuk bangunan yang sah milik Kerajaan Persekutuan sahaja dalam premis tersebut. Bangunan milik Kerajaan Negeri tidak perlu didaftarkan.

Bagi bangunan bersambung, sekiranya gabungan hanya melibatkan satu laluan/koridor, daftarkan bangunan milik persekutuan sahaja. Bagi kes bangunan yang dikongsi aras, perlu diketahui/diputuskan bangunan tersebut milik siapa dahulu kerana tidak boleh wujud bangunan yang dipunyai oleh dua pemilik.

SOALAN 6

S: Sekiranya Bangunan Persekutuan didirikan atas tanah Negeri dan penyelenggaraan dibuat oleh Kerajaan Negeri, adakan bangunan tersebut perlu didaftarkan?

J: Bangunan Persekutuan tersebut perlu didaftarkan di dalam aplikasi mySPATA dengan mengambil kira tanah negeri didaftarkan sebagai tanah sementara. Isu penyelenggaraan bukan dijadikan sebagai satu faktor dalam pemilikan sesuatu aset.

SOALAN 7

S: Adakah premis yang hanya memiliki binaan luar (tiada blok bangunan) perlu didaftarkan?

J: Premis masih perlu didaftarkan dengan satu nombor DPA. Bagi Daftar Aset Khusus (DAK) pula, hanya binaan luar didaftarkan di bawah DPA tersebut.

Contoh: Pendaftaran premis jeti kepunyaan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) yang hanya mempunyai jeti sahaja.


SOALAN 8

S: Adakah perlu bagi tanah-tanah kosong yang tidak mempunyai binaan di atasnya untuk didaftarkan di dalam aplikasi mySPATA?

J: Tidak. Aplikasi mySPATA dibina untuk mendaftarkan Aset Bangunan dan Infrastruktur sahaja. Aset Bangunan dan Infrastruktur yang didaftarkan di dalam mySPATA perlu dipadankan dengan lokasi lot tanahnya berdasarkan maklumat tanah yang disalin dari aplikasi Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan Dan Pembahagian Pusaka (eTaPP) milik JKPTG secara integrasi. Sebarang pemilikan tanah persekutuan termasuk tanah-tanah kosong perlu didaftarkan melalui JKPTG berdasarkan Pekeliling Kerajaan yang berkuatkuasa.

Sebagai makluman tambahan, berikut adalah proses ringkas data tanah dari eTaPP ke dalam aplikasi mySPATA. Terdapat dua (2) situasi bagi data tanah di dalam mySPATA.

1. Maklumat tanah yang lengkap dapat dipadankan dengan DPA milikan penuh persekutuan. Pendaftaran DPA milikan penuh persekutuan akan lengkap dilaksanakan.
2. Senarai tanah tidak terkini. Untuk melengkapkan pendaftaran DPA milikan penuh persekutuan di dalam aplikasi mySPATA, pengguna perlu memadankan maklumat tanah tersebut sebagai Tanah Sementara.



Bahagian B : Soalan Berkaitan Pendaftaran DAK Sehingga Peringkat Ruang


SOALAN 9

S: Bagaimana untuk menentukan kedudukan blok bagi sesuatu premis?

J: Terdapat 2 pendekatan dalam penentuan blok di dalam premis. Berikut adalah pendekatan yang dimaksudkan:

- i) Penentuan blok berpandukan kepada Lukisan Siap Bina (yang telah dikodkan)
- ii) Penentuan blok oleh pemilik premis sendiri:
 - a) Penentuan mengikut aras jam serta mengikut zon
 - b) Mengikut keperluan pengurusan serta ikut zon


Berikut adalah contoh penentuan blok di dalam premis mengikut Penentuan oleh Pemilik. Penerangan lanjut berkaitan perkara ini boleh dirujuk di dalam Garis Panduan PeDATA.




SOALAN 10

S: Bagaimana menentukan aras lantai pertama bagi sesuatu blok yang dibina pada 2 aras tanah yang berbeza?

J: Penentuan aras lantai pertama bagi sesuatu blok adalah berpandukan kepada pintu masuk utama blok tersebut. Aras di mana terletaknya pintu masuk utama itu akan dinamakan Aras Atas Tanah 1.



Situasi 1



Situasi 2

SOALAN 11


S: Adakah ruang bangunan yang tidak mempunyai dinding juga perlu didaftarkan? (cth: *porch*)

J: Ya, kawasan ini tetap dikira sebagai Ruang walaupun ianya tidak dikepong oleh dinding. Ini adalah kerana di dalam ruang tersebut terdapat elemen-elemen yang memerlukan penyenggaraan.

SOALAN 12

S: Bagaimana menentukan ruang bagi dinding 'collapsible'?


J: Jenis ruang ini sebaiknya didaftarkan sebagai 2 ruang yang berbeza.



SOALAN 13

S: Bagaimana menentukan ruang bagi ruang tangga?


J: Ruang tangga ditentukan dengan mengambil kira keseluruhan aras ruang tangga tersebut. Sila rujuk gambarajah.



SOALAN 14

S: Bagaimana menentukan Aras *Mezzanine*?

J: Aras *Mezzanine* juga dianggap sebagai satu aras dalam bangunan. Sila rujuk gambarajah di bawah.



SOALAN 15

S: Apakah perbezaan pendaftaran ruang antara Sistem Pendaftaran Aset Alih (SPA) dan Sistem Pendaftaran Aset Tak Alih (SPATA)?

J: Kod lokasi ruang telah diseragamkan di antara Sistem Pendaftaran Aset Alih (SPA) dan Sistem Pendaftaran Aset Tak Alih (SPATA). Sila rujuk garis panduan PeDATA.

SOALAN 16


S: Adakah perlu didaftarkan sebagai 2 ruang bagi ruang tangga dan ruang lobi lif yang bersambung?

J: Kedua-dua ruang ini mempunyai fungsi yang berbeza, maka perlu didaftarkan sebagai 2 ruang.

SOALAN 17

S: Adakah ruang kerja jenis *partition* perlu didaftarkan sebagai satu ruang kerja sahaja atau setiap *partition* sebagai satu ruang?

J: Ruang kerja jenis *partition* perlu didaftarkan sebagai satu ruang sahaja kerana sifat *partition* yang mudah dialih dan beralih-alih. Sekiranya perlu, jika *partition* tersebut dibina berserta pendawaian elektrik serta sukar dialihkan, ruang kerja tersebut boleh didaftarkan sebagai sub-ruang. (Sila rujuk dokumen PeDATA)



SOALAN 18

S: Bagaimana jika berlaku pengubahsuaian melibatkan penambahan atau pengurangan ruang/bilik?


J: Bagi penambahan ruang, nombor yang didaftarkan adalah mengikut turutan dari nombor ruang yang sedia ada.

Bagi pengurangan ruang, nombor ruang yang dominan (mempunyai bilangan aset yang banyak) dikekalkan.

SOALAN 19

S: Adakah bilik *Hose riser*, *Telephone riser*, *electrical riser* dan *service compartment* perlu di daftarkan sebagai satu ruang?

J: Sekiranya ruang seperti di atas mempunyai lantai dan papak, ia perlu didaftarkan pada setiap aras. Bagi yang tidak mempunyai lantai dan papak, ia hanya didaftarkan sebagai satu ruang sahaja.



SOALAN 20

S: Bagi bilik stor barang pelupusan yang berdinding penuh dengan satu bumbung yang bersambung dengan ruang parking, adakah perlu didaftarkan secara berasingan iaitu bilik stor sebagai Blok dan ruang parking sebagai Binaan Luar?

J: Blok tersebut perlu didaftarkan sebagai satu blok bangunan yang mempunyai ruang stor dan ruang parking

SOALAN 21

S: Sekiranya bangunan pencawang TNB berada di dalam kawasan premis pemilik aset dan penyelenggaraan adalah dibawah TNB sendiri, adakah ia perlu didaftarkan sebagai blok kepunyaan pemilik aset?

J: Tidak perlu daftar, perlu diketahui bangunan (jenis sebuah) pencawang TNB sebenarnya telah diserahkan kepada pihak TNB beserta dengan persetujuan pajakan tanah pencawang tersebut selagi keperluan TNB masih ada.

Bahagian C : Soalan Berkaitan Pendaftaran DAK Sehingga Peringkat Komponen

SOALAN 22

S: Bagaimana untuk mengenalpasti komponen Aset Tak Alih pada premis bangunan?

J: Berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 2/2012, Aset Tak Alih didefinisikan sebagai aset yang secara kekal/ tetap atau bersifat kekal/ tetap berada ada tempatnya, tidak boleh dialih atau sukar dialihkan dan usaha untuk buka semula/ penanggalan melibatkan keperluan kepakaran teknikal atau perundangan yang berkaitan termasuk Aset Tak Alih Warisan.

Bagi mengenal pasti komponen Aset Tak Alih pada premis bangunan dengan lebih mudah, rujukan lanjut boleh dibuat pada dokumen Garis Panduan Penentuan Aset Tak Alih seperti di Lampiran A.

SOALAN 23

S: Siapakah yang perlu mendaftar komponen aset tak alih?

J: Pemilik Aset yang mempunyai kawalan ke atas aset tersebut, bertanggungjawab untuk mendaftarkannya mengikut proses yang terdapat di dalam Garis Panduan Pengumpulan Data Aset Tak Alih (PeDATA)

SOALAN 24

S: Apakah pelaksanaan pendaftaran komponen Aset Tak Alih?

J: Pendaftaran komponen Aset Tak Alih dilaksanakan pada komponen yang memerlukan penyenggaraan dan termasuk dalam permohonan peruntukan penyenggaraan.

SOALAN 25

S: Adakah komponen Aset Tak Alih masih perlu didaftarkan, meskipun Aplikasi mySPATA masih belum dapat digunakan sepenuhnya?

J: Ya, komponen Aset Tak Alih masih perlu didaftarkan. Ini kerana, adalah menjadi tanggungjawab Pemilik Aset untuk mendaftarkan setiap aset milik kerajaan. Ia bagi memastikan aset tersebut dapat diuruskan dengan lebih cekap mengikut Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA).

SOALAN 26

S: Sehubungan dengan itu, apakah kaedah pelaksanaan pendaftaran komponen Aset Tak Alih?

J: Buat masa ini, kaedah pelaksanaan pendaftaran komponen Aset Tak Alih dilakukan secara manual menggunakan Borang Pengumpulan Data Daftar Aset Khusus - Peringkat Komponen. Seterusnya, data tersebut dipindahkan ke dalam *template* Microsoft Excel yang telah disediakan.

SOALAN 27

S: Bilakah tarikh berkuatkuasa pendaftaran Daftar Aset Khusus (DAK) peringkat komponen?

J: Tarikh kuatkuasa pendafrtran DAK peringkat komponen adalah bermula pada 1 Januari 2015. (Sila Rujuk Surat Urusetia JPAK No. Rujukan JKR/CKS(PKS)/030.040/2/1 Jld.2 (29))

SOALAN 28

S: Bagi komponen Aset Tak Alih yang telah didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Aset Alih (SPA), adakah pengurusan komponen tersebut perlu mengikut TPATA?

J: Bagi pendaftaran komponen Aset Tak Alih yang telah didaftarkan di dalam SPA, (sebelum atau pada 31 Disember 2014), ianya akan kekal dan diuruskan sepertimana Tatacara Pengurusan Aset (TPA, Pekeliling Perbendaharaan Bil 5/2007) sehingga komponen tersebut dilupuskan.

SOALAN 29

S: Apakah proses pelupusan bagi komponen Aset Tak Alih?

J: Proses pelupusan komponen dilaksanakan seperti di dalam Pekeliling Am Bil 2/2012 (TPATA) – Bab G Pelupusan Aset.

SOALAN 30

S: Apakah proses pendaftaran bagi komponen Aset Tak Alih yang masih belum didaftarkan sebelum tahun 2015?

J: Pendaftaran komponen Aset Tak Alih telah bermula pada 1 Januari 2015 secara manual. Bagi komponen Aset Tak Alih yang masih belum didaftarkan di dalam mana-mana sistem sebelum tahun 2015, komponen tersebut akan didaftarkan mengikut proses di dalam TPATA.

SOALAN 31

S: Bagaimana pendaftaran bagi komponen Aset Tak Alih yang diperolehi sebelum 1 Januari 2015?

J: Pendaftaran Aset Tak Alih yang diperolehi sebelum tarikh 1 Januari 2015 dan tidak didaftarkan di dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA) perlu didaftarkan mengikut Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA)

SOALAN 32

S: Adakah *portable fire extinguisher* merupakan komponen Aset Tak Alih?

J: Tidak, *Portable fire extinguisher* adalah komponen Aset Alih dan cara pengurusan aset tersebut perlu dilaksanakan mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih (TPA).



GARIS PANDUAN PENENTUAN ASET TAK ALIH

**Urus Setia JPAK,
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
Jabatan Kerja Raya Malaysia**

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	4
2.0	KAEDAH PENENTUAN	4
3.0	DEFINISI ASET TAK ALIH	4
4.0	KRITERIA TAMBAHAN BAGI PENENTUAN ASET TAK ALIH	
	I. Perkhidmatan Bangunan (<i>Building Services</i>)	5
	II. Lekapan Bersama Sistem (<i>Attached By System</i>)	7
	III. Diacuankan (<i>Moulded</i>)	8
	IV. Bersifat Tetap (<i>Non-Portable</i>)	9
5.0	PROSES KERJA PENGKELASAN ASET	10

1.0 Pengenalan

Dokumen ini merupakan panduan kepada agensi Kerajaan untuk mengenalpasti dan menentukan kategori sesuatu aset samada ianya didaftarkan sebagai Aset Alih atau Aset Tak Alih yang merangkumi ciri-ciri dan fungsi yang sama tetapi berbeza penggunaannya. Penentuan kategori aset yang betul dan tepat adalah amat diperlukan dalam aktiviti pendaftaran aset samada di dalam Aplikasi Sistem Pengurusan Aset (SPA) atau Aplikasi Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA).

2.0 Kaedah Penentuan

Secara umumnya, untuk menentukan sesuatu aset adalah Aset Tak Alih atau sebaliknya, penggunaan Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA) sebagai rujukan utama adalah diperlukan. Semua komponen yang terkandung di dalam SKATA adalah merupakan Aset Tak Alih. Walaubagaimanapun, bagi memudahkan aktiviti pendaftaran selain daripada definisi Aset Tak Alih itu sendiri, beberapa kriteria tambahan perlu digunakan untuk menentukan kategori aset tersebut dengan lebih jelas.

3.0 Definisi Aset Tak Alih

Aset Tak alih adalah aset yang secara kekal/tetap atau bersifat kekal/tetap berada pada tempatnya, tidak boleh dialih atau sukar dialihkan dan usaha untuk buka semula/penanggalan melibatkan keperluan kepakaran teknikal atau perundangan yang berkaitan termasuk Aset Tak Alih warisan

(Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012)
Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan 2012

4.0 Kriteria Tambahan Bagi Penentuan Aset Tak Alih

i. Perkhidmatan Bangunan (*Building Services*)

Sesuatu peralatan/komponen dikategorikan sebagai Aset Tak Alih apabila ia termasuk dalam keperluan bagi operasi dan Perkhidmatan Bangunan atau sesuatu struktur binaan.

Nota : Perkhidmatan Bangunan adalah sistem yang direkabentuk pada sesuatu bangunan supaya bangunan itu dapat berfungsi sebagaimana tujuan asal pembinaanya. Cuba bayangkan yang kita berada di dalam satu bangunan yang gah tersergam indah tetapi tidak dilengkapi dengan Sistem Pencahayaan seperti lampu-lampu di dalam bangunan, Sistem Pengudaraan seperti kipas dan penyaman udara, tanpa Lif dan Eskalator, tiada Sistem Tebatan Bunyi pada bangunan, tiada Sistem Perpaipan dan tiada Sistem Keselamatan yang dipasang. Begitulah sesuatu bangunan tanpa Perkhidmatan Bangunan yang akan melumpuhkan semua aktiviti bangunan itu sendiri.

Apa-apa yang terdapat di dalam bangunan dan ianya menyumbangkan kepada keselesaan, keselamatan adalah dikategorikan sebagai Perkhidmatan Bangunan. Bangunan yang dibina mestilah dapat memenuhi tujuan asal ia dibina dan bukan sekadar tempat untuk berteduh tetapi juga persekitaran supaya manusia dapat jadikan tempat kediaman, tempat bekerja dan sebagainya.


Antara contoh Perkhidmatan Bangunan adalah :

- a) Bekalan tenaga seperti gas, elektrik dan sumber tenaga diperbaharui
- b) Pengudaraan di dalam bangunan, Sistem Penyaman Udara

- c) Sistem Perpaipan untuk bekalan air dan kumbahan
- d) Sistem Pencahayaan seperti lampu
- e) Eskalator dan Lif
- f) Sistem Solar, Angin dan Tenaga Biomas
- g) Komunikasi, Telefon, dan Rangkaian IT
- h) Keselamatan dan Sistem Penggera
- i) Sistem Pencegah Kebakaran,

Rujukan: CIBSE (The Chartered Institution Of Building Services Engineers)

Contoh-contoh bergambar Perkhidmatan Bangunan



Sistem Lif



Sistem Solar




Sistem Pengcahayaan dan Pengudaraan di dalam bangunan

ii. **Lekapan bersama Sistem (*Attached By System*)**

Sesuatu peralatan/komponen dikategorikan sebagai Aset Tak Alih apabila ia bersambung terus kepada sistem yang dipasang pada sesuatu struktur binaan untuk membolehkannya berfungsi. Peralatan/komponen itu sendiri juga merupakan sebahagian daripada rangkaian sistem tersebut.

Contoh bergambar komponen pada Sistem Televisyen Litar Tertutup (CCTV)



iii. Diacuankan (*Moulded*)

Sesuatu peralatan/komponen dikategorikan sebagai Aset Tak Alih apabila ia dibina atau dipasang secara Acuan/ In-Situ/ *Built-In* pada mana-mana struktur binaan.



Meja Terbina (Built In Table)



Kabinet

iv. Bersifat Tetap (*Non-Portable*)

Sesuatu peralatan/komponen dikategorikan sebagai Aset Tak Alih apabila ia dibina/ dipasang dengan tujuan agar komponen tersebut kekal berfungsi pada tempat ia dibina/ dipasang.




Janakuasa (Genset)



Sistem Penyaman Udara Terpisah (Split Unit Air conditioning)

5.0 Proses Kerja Pengelasan Aset

I. Carta Aliran



Terima Arahan Mendaftar Aset

Tentukan Kategori Aset yang hendak didaftarkan berdasarkan definisi dan kriteria tambahan sebagai rujukan untuk menentukan kategori aset.

Semak kategori aset samada memenuhi kriteria 1 atau tidak

Semak kategori aset samada memenuhi kriteria 2 atau tidak

Semak kategori aset samada memenuhi kriteria 3 atau tidak

Semak kategori aset samada memenuhi kriteria 4 atau tidak

Pendaftaran aset mengikut kategori aset mengikut tatacara yang berkenaan

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG